

## SIARAN MEDIA

### PERUNTUKAN LEBIH DARI RM1 JUTA UNTUK GOLONGAN ASNAF DAN ANAK YATIM, PUSAT TAHFIZ WILAYAH KETENGAH

**DUNGUN, 17 Mac** – Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berbuka puasa bersama lebih dua ribu masyarakat setempat pada Majlis Iftar Santunan Kasih Ramadan di Masjid Sultan Mahmud, Bandar Al Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu malam ini.

Di majlis sama, Datuk Seri Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) **menyampaikan sumbangan duit raya dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada 1,300 Asnaf, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Pesakit Terlantar seramai 1,400 orang dengan peruntukan berjumlah RM810,000.00**

Turut diserahkan geran sumbangan KETENGAH berjumlah **RM30,000 kepada enam buah madrasah dan pusat tahfiz yang berdaftar dalam Wilayah KETENGAH.** Setiap madrasah dan pusat tahfiz menerima sebanyak RM5,000.00.

KETENGAH juga menyerahkan **geran sumbangan kepada 114 masjid dan surau dalam Wilayah KETENGAH dengan peruntukan**

**keseluruhan sebanyak RM84,000.00.** Setiap masjid akan menerima sumbangan RM1,000.00 manakala setiap surau akan menerima sumbangan RM500.00. Sumbangan ini adalah bertujuan untuk mengimarahkan masjid dan surau di sepanjang bulan Ramadan.

**Sejumlah RM180,000.00 sumbangan Hari Raya diperuntukkan kepada anak-anak yatim yang terdapat di Wilayah KETENGAH melibatkan 600 penerima.** Setiap penerima sumbangan akan menerima kelengkapan dan duit raya berjumlah RM300.00.

Di majlis sama, turut diadakan **penyerahan watikah pelantikan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) melibatkan 766 buah kampung** daripada 1,046 kampung di seluruh Negeri Terengganu dalam Fasa 1. Fungsi utama JPKKP adalah membuat perancangan dan pelaksanaan projek/program di kampung di samping menggerakkan penglibatan komuniti setempat.

Program Iftar Santunan Kasih Ramadan anjuran KKDW tahun ini bermula di Kluang, Johor diikuti Tanah Merah, Kelantan; Dungun, Terengganu; Trolak, Perak; Nibong Tebal, Pulau Pinang; Labuan, Pendang, Kedah; Kuala Langat, Selangor dan berakhir di Bagan Datuk, Perak.

- TAMAT-

Disediakan Oleh  
Unit komunikasi Korporat  
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah  
17 Mac 2024